

**Tiga Kereta Nasional Menangi Anugerah Kecekapan Bahan Api  
Bernama  
12 Januari , 2012**

PETALING JAYA, 12 Jan (Bernama) --Tiga kereta nasional, Perodua Myvi, Proton Saga dan Proton Inspira hari ini meraih Anugerah Kecekapan Bahan Api 2011 Asian Auto Ambank dalam kategori berlainan.

Perodua Myvi 1.3 baharu memenangi anugerah itu di bawah kategori kereta bandar kompak kerana kecekapan bahan api 6.2 liter bagi setiap 100km perjalanan, Proton Saga 1.3 (M) bagi kategori keluarga kecil (6 liter bagi setiap 100km) dan Proton Inspira 2.0 bagi kategori kereta keluarga mewah (6.2 liter bagi setiap 100km).

Ketua Pegawai Eksekutif Proton Edar, Ahmad Suhaimi Mohamed Anuar, dan Pengarah Eksekutif Perodua, Zainal Abidin Ahmad, masing-masing menerima anugerah itu daripada Ketua Pegawai Eksekutif AmIslamic Bank Berhad, Datuk Mahdi Murad , dan Pengarah Sapporo Malaysia, Lim Chee Yeang, pada satu upacara yang berlangsung di sebuah hotel dekat sini hari Khamis.

Ambank adalah penaja utama bagi anugerah automotif tahunan itu, yang memberikan pengiktirafan kepada jenama kereta yang menawarkan kenderaan paling cekap bahan api dalam kategori masing-masing di Malaysia.

Program anugerah tahunan yang pertama seumpamanya di Malaysia itu menggalakkan pengeluar kereta menawarkan kenderaan berkualiti dengan teknologi dan kejuruteraan terbaru yang menggalakkan kecekapan bahan api.

Pengarah Urusan AmBank (perbankan runcit), Datuk Mohamed Azmi Mahmood, dalam ucapannya berkata sebagai sebuah syarikat pembiaya automotif di negara ini, AmBank sentiasa bersedia untuk menemui pelanggan dan memenuhi keperluan mereka dalam pembelian kenderaan dan insurans.

"Dengan demikian, anugerah seperti ini amat sejajar dengan usaha kami untuk menyokong pelanggan kami membuat pilihan dan keputusan yang lebih baik," tegasnya.

Sejumlah 34 syarikat kereta mengambil bahagian untuk merebut 54 anugerah yang ditawarkan dalam 18 kategori pada acara yang diadakan bagi tahun keempat itu.

Mercedes Benz C-Class 200 CGI, Volvo S60 1.6 Turbo dan Audi A4 1.8T memenangi Anugerah berkenaan di bawah kategori kereta eksekutif.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639764>